



INI DIA: Dr Mohd Wahid (tengah) bersama Setiausaha Agung Masum, Jaslana Hussien (kanan) dan Nur Ekmal Buhary memperagakan trofi yang akan dianugerahkan kepada atlet di majlis Anugerah Sukan MASUM 2006.

Azlan, Suryani calon pilihan atlet terbaik Masum

Oleh Haryani Ngah

PENGALAMAN beraksi di Sukan Asia menjadikan pemain sepak takraw kebangsaan, Mohd Azlan Abdul Mubin dan pembek wanita negara, Nur Suryani Mohd Taibi sebagai calon pilihan dalam meraih Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti (Masum) yang akan berlangsung 24 Mac ini.

Mohd Azlan yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) dan

pernah meraih Anugerah Bintang Harapan 2003 bersaing dengan enam lagi peserta lain untuk merebut anugerah Olahragawan.

Enam peserta itu ialah atlet dayung, Zulmajdi Zakarian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), peserta karate, Cheah Boon Chong dari Universiti Malaya (UM), atlet taekwondo G V Sathia dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Pemain badminton Universiti Sains Malaysia (USM), Ang Seong Leng, pemain bowling kebangsaan,

Mohd Noer Zulghimie Said yang mewakili Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pesilat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Izmir Yafith.

Nor Suryani dari UiTM yang akan mempertahankan anugerah dimenangi musim lalu akan dicabar atlet karate kebangsaan, Ee Pei Kee (UM), pemain bola tampar Beh Shun Ting (UPM), atlet taekwondo, Izwin Zulkapri (UTM) dan peserta UMT, Nor Shamimi Ramli serta atlet olahraga, Haslinda Haron (USM) dan pesilat

Maisarah Rahim (UKM).

Pengerusi Masum, Prof Datuk Dr Mohd Wahid Samsudin berkata, pengiktirafan diberikan kepada atlet berdasarkan pencapaian dalam sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Calon penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati perlu mewakili negara dengan memperoleh pingat di peringkat antarabangsa dan beberapa kategori lain yang dipertandingkan selain mengambil kira pencapaian atlet di peringkat negeri

dan universiti," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Dr Mohd Wahid berkata, anugerah berkenaan bakal disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najid Razak.

Selain Olahragawan dan Olahragawati, anugerah lain yang dipertandingkan ialah Bintang Harapan Lelaki/Wanita, Pasukan Terbaik Lelaki/Wanita, Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik, Tokoh Pemimpin Sukan Masum, Sekalung Budi dan Rakan Sukan Masum.